

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DAN PRESTASI MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DI HULU LANGAT, SELANGOR

Tan Jia Yuh

*Husaina Banu Kenayathulla

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*husaina@um.edu.my

ABSTRACT

Classroom-Based Assessment (CBA) is an ongoing process in teaching and learning sessions to identify students' development, progress, ability and mastery of the curriculum objectives. Information obtained from CBA not only enables teachers to know the mastery level of their students, it also helps students to do self-evaluations to improve their performance in various aspects. Therefore, this study aimed to identify the implementation level of CBA among teachers in National Type Chinese School (SJKC), Hulu Langat district, Selangor. In addition, this study analysed whether there are significant differences in the implementation of CBA between novel and experience teachers. This study used quantitative methods and questionnaires to collect data. A total of 290 respondents were randomly selected among teachers in SJKC, Hulu Langat district, Selangor. The findings of the study were analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings showed that the implementation level of CBA among teachers ($M = 3.96$, $SP = .411$) is high. The t-test result showed that there was no significant difference in the implementation of CBA between novice and experience teachers, $t(290) = .218$, $p = .828$. Further, the results of the study showed a significant but weak correlation between the implementation of CBA and students' performance, $r(290) = .510$, $p = .000$. The findings of this study provide insights to school leaders, teachers, teacher education institutions, Ministry of Education Malaysia and future researchers.

Keywords: *Classroom-Based Assessments (CBA), implementation, Students' Performance, National Type Chinese School (SJKC)*

PENGENALAN

Sistem pendidikan merupakan asas pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, sektor pendidikan di Malaysia perlu mengalami peralihan pemikiran yang dapat merintiskan alaf baru dalam semua aspek pendidikan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam hub pendidikan serantau (Ambotang, 2013). Transformasi kurikulum dilakukan untuk menambahbaikan pembelajaran dari aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi mewujudkan murid yang berilmu pengetahuan, mempunyai keupayaan untuk berfikir, memiliki sifat-sifat kepimpinan, menguasai kemahiran dwibahasa, mengamalkan etika dan kerohanian serta mempunyai identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3/2011. PBS merupakan pentaksiran holistik yang melibatkan pengukuran aspek kognitif, afektif dan psikomotor sejajar dengan FPK yang menekankan aspek JERI. Guru mempunyai peranan yang utama dalam mentaksir

pembelajaran murid. Guru memerlukan kemahiran pentaksiran dalam menjamin kualiti pentaksiran di dalam bilik darjah. Namun, terdapat kelemahan dalam kalangan guru semasa menjalankan pentaksiran. Kajian Ahmad dan Mohamad (2016) mendapati bahawa pelaksanaan pentaksiran dalam sekolah belum mencapai matlamat sepenuhnya. Wan Omar (2019) juga melanjutkan kajian dengan merumuskan bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD sehingga menimbulkan masalah kepada guru dalam menjalankan PBD dengan berkesan. Lantaran itu, Ahmad dan Mahamad (2016) mencadangkan supaya kajian berkaitan dengan PBD diperbanyakkan memandangkan PBS merupakan satu transformasi yang masih baharu di Malaysia.

Dengan pemansuhan peperiksaan dalam kalangan murid tahap satu, PBD menjadi satu alat penilaian untuk menilai prestasi murid. Keberkesanan dan kejayaan PBD banyak bergantung kepada komitmen guru. Pentaksiran yang berkesan berupaya memberi maklumat kepada guru, pentadbir, ibu bapa dan murid, berkaitan dengan pengetahuan murid dan kefahaman mereka. Pelaksanaan PBD oleh para guru membolehkan pihak sekolah dan ibu bapa mendapat maklum balas secara kualitatif dan kuantitatif tentang diri murid (Ahmad dan Mohamad, 2016). Sehubungan dengan itu, kajian dijalankan untuk tahap pelaksanaan PBD, samada pelaksanaan PBD berbeza mengikut pengalaman guru dan menganalisis hubungan pelaksanaan PBD dan prestasi murid SJKC di daerah Hulu Langat, Selangor.

PENYATAAN MASALAH

PBS (diperkenalkan sejajar dengan KSSR) atau PBD (mula digunakan pada hujung tahun 2016) dalam PBS dipergiatkan selaras dengan pemansuhan peperiksaan bagi murid sekolah rendah Tahap 1, mulai tahun 2019. PBD dilaksanakan bagi semua subjek dengan meliputi penentuan tahap penguasaan murid dengan berpandukan Standard Prestasi, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), PBD dilaksanakan secara berterusan bertumpu pada aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru yang kompeten penting dalam menjayakan proses pemantauan pembelajaran. Perkembangan murid secara berterusan dalam bilik darjah dapat dikesan melalui pentaksiran di dalam bilik darjah yang sistematik (Kanji, 2014). Tegasnya, dalam pelaksanaan PBD, guru mentaksir murid secara meluas dari segi kognitif, psikomotor dan afektif, sejajar dengan matlamat FPK yang menekankan aspek JERI (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Walaupun konsep PBD bukan satu konsep yang baharu di Malaysia, tetapi sistem pentaksiran yang berorientasikan peperiksaan masih diamalkan di Malaysia (Osman & Mohd Saat, 2014; Zamri Mahamad, Nasyimah Ismail & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2016). Guru memisahkan pentaksiran dengan peperiksaan. Mereka tidak dapat menggabungkan pentaksiran dalam pdp harian. Ravikumar Varatharaj (2015) berpendapat bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dalam kalangan guru untuk melaksanakan pentaksiran. Kajian Suzana Abd Mutalib dan Jamil Ahmad (2012) pula mendapati guru gagal memantau pembelajaran murid atas faktor kekurangan pengetahuan, penghasilan keputusan yang tidak adil dan kelemahan perancangan pengajaran sehingga gagal mencungkil potensi sebenar murid dan mengakibatkan pelaporan prestasi murid yang tidak tepat.

Melalui carian yang dibuat dalam *google scholar*, banyak kajian yang berkaitan dengan PBS dijalankan di sekolah rendah di Malaysia (Noraini Bidin & Zamri Mahamad, 2016; Abdul Said Ambotang & Shanti Gobalakrishnan, 2017, Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Tee, Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus, 2018) dan sekolah menengah (Mohd Isa dan Abu Naim, 2013; Mazlini Adnan & Noorfazelawati Abd. Kadir, 2014; Che Aleha Ladin & Md Nasir Ibrahim, 2015; Ahmad & Mahamad, 2016). Terdapat juga kajian yang memberi fokus kepada pelaksanaan aktiviti pentaksiran di sekolah (Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan, 2015; Ravikumar Varatharaj, 2015). Namun, tiada kajian yang mengaitkan pelaksanaan PBD guru dengan prestasi murid.

Kemahiran pentaksiran guru membolehkan murid mencapai objektif pembelajaran dan kemahiran yang dikehendaki dalam kurikulum (Ahmad & Mahamod, 2016). Pelaksanaan pentaksiran di dalam bilik darjah membantu memperbaiki kelemahan murid-murid dalam pelajaran (Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Tee, Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus, 2018). Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau sejauh mana PBD dijalankan mengikut kehendak dan keperluan yang ditetapkan oleh KPM.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada pelaksanaan PBD dalam kalangan guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Pengkaji juga meneliti hubungan pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk:


1. Mengukur tahap pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.
2. Mengenalpasti perbezaan antara tahap pelaksanaan PBD dan pengalaman mengajar guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor
3. Menentukan hubungan pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini melibatkan perbincangan sub tajuk seperti mana berikut.

Komponen dalam PBS

Komponen PBS meliputi kategori akademik dan kategori bukan akademik. Kategori akademik meliputi Pentaksiran Pusat (PP) dan Pentaksiran Sekolah (PS), kategori bukan akademik pula meliputi Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).



Rajah 1. Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

PP adalah pentaksiran sumatif bagi mengukur kemajuan akademik murid dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara komprehensif. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah komponen PP di peringkat sekolah rendah. Selanjutnya, PS adalah komponen dominan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang dijalankan dalam organisasi pendidikan secara menyeluruh dari aspek

perancangan, pengubalan soalan pentaksiran, pemberian pemarkahan, catatan hasil pentaksiran dan pelaporan. PAJSK pula merupakan spesifikasi untuk mengukur kegiatan fizikal dan kesihatan serta mengukur penyertaan dan pencapaian murid dalam aktiviti-aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstrakurikulum. Komponen yang terdapat dalam PAJSK ialah Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK), Body Mass Index (BMI), aktiviti kokurikulum dan ekstrakurikulum. PPSi menggambarkan tret psikologi murid di mana keupayaan semula jadi dan keupayaan yang diperoleh daripada pengalaman dan persekitaran murid diukur (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2016).

Pelaksanaan PBD sebelum pdp

Kajian Siti Hayati Haji Mohd Yusoff dan Lee (2018) mendapati setiap guru memiliki kaedah yang tersendiri untuk menganalisis muridnya. Seseengah guru menganalisis murid melalui pemerhatian. Terdapat juga guru yang menganalisis murid sebelum atau sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan di dalam bilik darjah. Kathryn Hill dan Tim McNamara (2012) menyenaraikan proses “merancang” dan “merangka” dalam melaksanakan pentaksiran sebelum menjalankan pdp. Proses ‘merancang’ melibatkan analisis sukatan kurikulum serta perbincangan berkaitan dengan pengajaran dan pentaksiran dalam kalangan guru yang mengambil bahagian. Proses “merangka” pula menyiasat tentang adakah murid mengetahui bahawa aktiviti yang diberikan adalah pentaksiran. Guru perlu memberitahu murid bahawa setiap topik pengajaran akan dikaitkan dengan aktiviti pentaksiran. Hal ini penting untuk membolehkan murid mengamalkan orientasi yang sesuai untuk tugas berkenaan.

Idris (2016) menjalankan kajian di 24 buah sekolah rendah dan 24 buah sekolah menengah yang terletak di Selangor, Perak, Johor dan Terengganu dengan melibatkan 589 orang guru sekolah rendah dan sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan guru-guru memastikan instrumen yang digunakan mencukupi kerana instrumen pentaksiran akan mengganggu gugat proses pentaksiran. Guru-guru juga membuat perancangan berdasarkan PPPM dan DSKP. Selain itu, guru-guru memastikan pentaksiran dilakukan seiring dengan penguasaan pembelajaran murid. Walaupun kebanyakan guru tidak membina instrumen pentaksiran tetapi mereka menggunakan buku di pasaran sebagai instrumen pentaksiran di bilik darjah dan memastikan instrumen yang digunakan menepati objektif pengajaran. Penyelidik mendapati guru-guru menghadapi kesukaran dalam mempelbagaikan bentuk instrumen pentaksiran kerana mereka memiliki fahaman pentaksiran yang terhad dan sudah biasa dengan ujian berbentuk kertas dan pensel.

Pelaksanaan PBD semasa pdp

Kajian berbentuk kuantitatif oleh Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim dan Wong (2015) melibatkan 112 orang guru Sains dari 21 buah sekolah menengah di Daerah Batang Padang, Perak. Hasil kajian menunjukkan tahap dimensi proses dalam pelaksanaan pentaksiran Sains, iaitu kaedah pdp serta amalan pentaksiran guru untuk menilai tugas murid berada pada tahap yang tinggi. Kajian menunjukkan item “saya menggunakan kaedah pentaksiran yang pelbagai sama ada secara formal atau tidak formal mengikut kesesuaian” mempunyai skor min yang tertinggi. Sebaliknya, item “saya sentiasa memberitahu hasil pentaksiran kepada murid dan ibu bapa atau penjaga” mendapat skor min yang terendah.

Hasil kajian kualitatif Lee dan Mohd Zahuri Khairani (2018) di SK Hilir Perak dan Bagan Datuk yang melibatkan 2 orang pentadbir sekolah dan 11 orang guru SK di bandar dan luar bandar melaporkan bahawa guru-guru PSV memilih instrumen pentaksiran yang sesuai dengan tahap penguasaan murid berdasarkan instrumen yang dibekalkan oleh KPM. Semasa mentaksir, latar belakang murid dan aspek pemikiran murid diambil kira oleh pihak sekolah. Guru mendapatkan informasi-informasi murid melalui interaksi dengan guru yang pernah mengajar murid tersebut. Cara menganalisis murid yang digunakan

oleh guru adalah berbeza mengikut situasi. Apabila mengetahui kelemahan murid, guru-guru akan memberi bimbingan kepada murid serta merta.

Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said (2019) membentangkan bahawa tahap pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan dalam kalangan tujuh orang guru Bahasa Melayu di sekolah menengah di Negeri Sembilan adalah rendah. Penyelidik mendapati guru memberi peluang yang banyak kepada murid-murid jika mereka tidak dapat mengemukakan jawapan atau justifikasi yang munasabah. Hal ini dapat memotivasi murid dan mengukuhkan kemahiran bertutur murid. Kajian kualitatif Senin Khamis dan Asri Selamat (2019) pula melibatkan empat orang guru dan empat orang pihak pentadbir dari Sekolah Kluster Kecemerlangan di negeri Melaka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan menggunakan maklum balas kerap dipraktikkan oleh guru-guru semasa proses pdp, tetapi maklumat yang diberikan adalah terhad. Guru-guru menggunakan gred atau komen asas seperti “Baik”, “Memuaskan” dan “Teruskan usaha” sebagai maklum balas dalam pentaksiran mereka, namun mereka kurang membekalkan maklum balas kepada murid-murid berkaitan dengan kelebihan dan kelemahan murid-murid.

Pelaksanaan PBD selepas pdp

Dapatan kajian Che Aleha Ladin dan Md Nasir Ibrahim (2015) menunjukkan guru memberi markah secara berkala dan mengisi borang progress markah murid mengikut prestasi murid. Pentaksiran prestasi murid dibuat oleh guru berdasarkan Jadual Kriteria Pencapaian Calon yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pada masa yang sama, guru akan menyediakan sijil mengikut pencapaian murid bagi murid yang telah menyiapkan kerja kursus dalam tempoh yang ditetapkan. Pentaksir sekolah akan menyimpan hasil kerja murid atau maklumat-maklumat bercetak yang berkaitan dengan pentaksiran selama enam bulan selepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia diterbitkan. Ravikumar Varatharaj (2015) mendapati guru banyak mempraktikkan maklum balas secara lisan apabila murid-murid didapati mempunyai persoalan berkaitan dengan latihan. Sebaliknya, guru kurang memberi komen secara bertulis terhadap tugas murid walaupun guru yakin dan percaya bahawa penggunaan komen secara bertulis terhadap tugas murid memberi kesan yang ketara dalam meningkatkan pembelajaran murid.

Dapatan pemerhatian Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said (2019) pula menunjukkan bahawa kebanyakan guru mengikut ketetapan Panduan Pelaksanaan PBD dan memberi skor pentaksiran secara individu kepada murid kerana potensi murid berbeza antara satu sama yang lain. Namun, dua daripada tujuh orang guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Negeri Sembilan tidak mengikut ketetapan Panduan Pelaksanaan PBD dengan melaksanakan pentaksiran penskoran murid secara purata. Dua orang guru ini menyuruh ketua kumpulan untuk menerangkan hasil perbincangan selepas sesi perbincangan tamat. Kemudian, guru memberi markah yang sama kepada semua murid dalam kumpulan yang sama.

Pelaksanaan PBD guru berdasarkan pengalaman mengajar

Hasil kajian Ravikumar Varatharaj (2015) berpendapat bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan amalan pentaksiran guru. Guru novis dan guru berpengalaman berupaya dan sudah bersiap sedia untuk menjalankan pentaksiran secara efektif. Walaubagaimanapun, PBS merupakan satu aspek yang baru kepada guru novis dan guru berpengalaman, oleh itu kedua-dua kumpulan guru masih dalam proses mengasimilasikan pemahaman terhadap pelaksanaan PBS. Hasil temu bual penyelidik menunjukkan pengetahuan guru terhadap PBS adalah pada tahap yang rendah dengan mengabaikan faktor pengalaman. Tegasnya, kajian menyimpulkan bahawa guru novis ataupun guru berpengalaman mampu melaksanakan pentaksiran dengan berkesan kerana pentaksiran berasaskan bilik darjah merupakan satu aspek yang baru. Kajian Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh,

Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim dan Wong (2015) juga merumuskan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara kaedah guru Sains menjalankan pentaksiran untuk menilai hasil kerja murid dengan pengalaman mengajar guru.

Seramai lapan orang guru yang mengajar tahun empat, tahun lima dan tahun enam serta terlibat dalam pemeriksaan kertas UPSR Bahasa Melayu di dalam zon Keramat, Kuala Lumpur terlibat dalam kajian Noor Izam Mohd Taib, Zamri Mahamod, Rahman Haron dan Rozaiman Makmun (2012). Penyelidik mendapati pengalaman guru bukanlah faktor utama dalam mempengaruhi tahap kebolehpercayaan pemeriksaan holistik guru. Semua guru Bahasa Melayu perlulah mahir dalam mengaplikasikan strategi pemeriksaan holistik untuk meningkatkan penguasaan kemahiran lisan, kemahiran bacaan dan kemahiran tulisan murid-murid. Pengkaji juga merumus bahawa bukan semua guru Bahasa Melayu yang berpengalaman memiliki tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan bersifat konsisten semasa menjalankan pemeriksaan holistik terhadap karangan Bahasa Melayu. Keadaan ini wujud disebabkan cara pemberian markah dan penyemakan yang tidak tetap dan sering mengemaskini mengikut revolusi pendidikan.

Analisis kajian Norshafinaz Abdul Sani dan Faridah Yunus (2018) membuktikan bahawa tiada perbezaan yang ketara wujud antara amalan pentaksiran pdp pranumerasi dan pengalaman mengajar guru tadika di daerah Kluang, Johor. Namun, penyelidik mendapati hubungan yang ketara antara amalan pentaksiran pdp pranumerasi guru di tadika dengan pengalaman mengajar dan tahap pendidikan guru di tadika. Penyelidik merumus bahawa sekiranya guru sudah bertugas untuk tempoh yang panjang, pengalaman guru akan memberi kesan yang ketara walaupun guru tidak memiliki kelayakan pendidikan yang tinggi. Sebaliknya, tahap pendidikan guru novis akan memberi implikasi yang lebih kurang sama dengan guru yang berpengalaman.

Hubungan pelaksanaan PBD guru dengan Prestasi Murid


Pentaksiran merupakan alat atau teknik untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan pembelajaran murid. Dengan kata yang lain, pentaksiran ialah cara guru mentaksir pembelajaran murid. Buku Gareis dan Grant (2015) menghubungkan pentaksiran dengan pembelajaran di mana mereka menyatakan bahawa pentaksiran bukan hanya memainkan peranan sebagai alat pengukuran pembelajaran murid, tetapi juga sebagai alat untuk pembelajaran murid. Scott (2020) menyatakan bahawa pentaksiran mendorong pembelajaran. Kerjasama yang erat antara murid, organisasi pendidikan, kurikulum pembelajaran serta penggunaan pentaksiran dan maklum balas yang sewajarnya penting dalam menyokong pembelajaran lalu meningkatkan prestasi murid secara tidak langsung. Julian@Juliana George Jette dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2020) menjalankan kajian dengan melibatkan 300 orang guru besar dari 1090 buah sekolah rendah luar bandar di Sarawak. Kajian menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara pentaksiran pdp guru dengan kemenjadian murid dari aspek kemenjadian akademik, kemenjadian kokurikulum dan kemenjadian sahsiah diri murid.

KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Pembolehkan tidak bersandar dalam kajian ini ialah pelaksanaan PBD oleh guru sebelum pdp, semasa pdp dan selepas pdp. Teori Pembelajaran Thorndike diaplikasikan. Pelaksanaan PBD sebelum pdp dijalankan oleh guru dengan menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Guru merancang dan membina instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan murid sebelum PBD. Dalam fasa latihan pula, guru melaksanakan PBD secara berterusan semasa pdp dijalankan. Hasil pentaksiran direkod, dianalisis dan dilaporkan untuk memperoleh data mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid selepas pentaksiran dijalankan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pelaksanaan PBD oleh guru sebelum pdp, semasa pdp dan selepas pdp memberi kesan kepada prestasi murid.

Bagi pembolehubah bersandar pula, prestasi murid diukur berdasarkan aspek JERI. Teori Pembelajaran Behaviorisme, Teori Pembelajaran Kognitif dan Teori Pembelajaran Sosial Bandura diaplikasikan. Pelaksanaan PBD bukan sahaja memberi impak kepada peningkatan intelektual, malah memberi impak kepada tingkah laku murid kerana guru merupakan suri teladan kepada murid. Kajian ini bertepatan dengan kehendak negara untuk mewujudkan warganegara yang berpengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, mempunyai kesejahteraan diri dan mampu menjaga keharmonian keluarga, masyarakat dan negara seperti yang tercatat dalam FPK. Hal ini juga disaran oleh Adi Badiozaman Tuah (2007) yang membincangkan bahawa selain daripada domain intelek atau kebolehan mental, domain afektif dan psikomotor seperti perkembangan, pertumbuhan, pembangunan murid harus ditafsir.

Pendek kata, kerangka konsep ini memberi pemahaman yang mendalam dan teliti kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan PBD guru selain mengetahui hubungan pelaksanaan PBD dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.



Rajah 2. Kerangka Konsep (Sumber: Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Students, 1990; FPK, 1992; DSKP, 2014; DSKP, 2018)

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat kuantitatif dan dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan di SJKC yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor. Penyelidikan yang menggunakan data statistik sebagai alat untuk menerang dan menganalisis penyelidikan dapat mengurangkan masa dan sumber penyelidikan. Lain daripada itu, data yang dipungut dalam kawasan tertentu dengan kadar yang banyak boleh digeneralisasikan bagi mencerminkan masyarakat yang luas (Eyisi Daniel, 2016).

Kajian dijalankan dalam bentuk perihal atau deskriptif di mana maklumat daripada soal selidik yang diserahkan kepada guru-guru dianalisis. Soal selidik sama ada secara manual atau secara elektronik,

merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang tidak memerlukan pewawancara. Hal ini secara langsung dapat menghilangkan bias dalam kalangan responden selain membolehkan responden bersikap jujur semasa menjawab soalan. Soalan yang sama ditujukan kepada individu yang berlainan memudahkan penyelidik menghubungkan kait dan menganalisis hasil kajian (Ian Brace, 2018). Pengkaji menghasilkan satu set soal selidik berdasarkan pembolehubah-pembolehubah kajian, iaitu pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Soal selidik diedar atas talian secara rawak dalam kalangan 285 orang guru-guru di 16 buah SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Hal ini kerana soal selidik secara talian membolehkan pengumpulan data dibuat tanpa orang perantara. Dengan satu e-mel atau mesej sahaja, responden yang berada di tempat berlainan dapat mengakses sumber atas talian yang boleh dipercayai (María Isabel Pozzo1, Ana Borgobello dan María Paula Pierella, 2019).

Persampelan Kajian

Populasi kajian ini merujuk kepada guru-guru yang bertugas secara tetap di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini menggunakan persampelan secara rawak untuk mengenal pasti responden kajian. Creswell (2014) berpendapat bahawa persampelan rawak merupakan strategi persampelan yang baik. Persampelan rawak mewujudkan peluang yang sama kepada guru-guru tetap di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor untuk dipilih. Hal ini memudahkan generalisasi dibuat, sekaligus mengelakkan unsur bias dan berat sebelah (Gaganpreet Sharma, 2017). Dengan berpandukan jadual yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), seramai 285 orang guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor dipilih secara rawak sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Soal selidik merupakan instrumen kajian yang utama dalam kajian ini. Soal selidik dihasilkan oleh pengkaji dengan mengadaptasi kajian atau dokumen yang dianggap sesuai dengan kajian ini. Pengubahsuaian dibuat untuk memastikan maklum balas daripada persampelan dapat memenuhi objektif kajian.

Soal selidik untuk kajian ini terdiri daripada tiga bahagian dengan melibatkan lima puluh lapan (58) item untuk mengkaji PBD dan prestasi murid SJKC di daerah Hulu Langat, Selangor. Bahagian A bagi soal selidik terdiri daripada lima (5) item yang berkaitan dengan latar belakang demografi responden, iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi dan subjek yang diajar.

Bahagian B pula terdiri daripada tiga puluh (30) item mengenai tahap pelaksanaan PBD guru. Bahagian ini terdiri daripada sembilan (9) item yang berkaitan dengan pelaksanaan PBD sebelum pdp, tiga belas (13) item berkaitan dengan pelaksanaan PBD semasa pdp serta lapan (8) item mengenai pelaksanaan PBD selepas pdp.

Bahagian C dilengkapi dengan dua puluh tiga (23) item yang tertumpu kepada prestasi murid SJKC di daerah Hulu Langat, Selangor. Dalam bahagian C, lima (5) item adalah pengukuran prestasi murid dari segi jasmani, sebelas (11) item mengukur prestasi murid dari aspek emosi dan rohani, serta tujuh (7) item berkait rapat dengan prestasi murid dari segi intelek.

Responden-responden yang menjawab soal selidik dikehendaki membaca kenyataan yang diberikan dan membuat pilihan terhadap kenyataan-kenyataan berdasarkan skala Likert yang diwakili oleh lima angka, iaitu 1 hingga 5. Angka-angka tersebut dimaksudkan sebagai 5=Sangat Setuju (SS), 4=Setuju (S), 3=Agak Setuju (AS), 2=Tidak Setuju (TS) dan 1=Sangat Tidak Setuju (STS).

Jadual 1

Kesimpulan Instrumen Kajian

Bahagian	Jumlah Item	Rujukan
A		
Latar belakang demografi responden	5	
B		
Tahap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah guru	30	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mazlini Adnan & Noorfazelawati Abd Kadir (2014) 2. Ravikumar Varatharaj (2015) 3. Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim dan Wong (2015) 4. Wan Omar (2018)
C		
Prestasi Murid	23	<ol style="list-style-type: none"> 1. FPK (1992) 2. DSKP 3. Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim dan Wong (2015) 4. Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan (2015) 5. Wan Omar (2018)

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Sebelum mengedarkan soal selidik kepada responden, pengkaji mendapatkan bantuan daripada dua orang pakar untuk mengesahkan isi kandungan dan bahasa dalam soalan soal selidik. Kesahan dibuat untuk menjamin sesuatu alat pengukuran itu dapat mengukur apa yang hendak diukur (Mohd. Majid, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik merujuk ketua panitia Bahasa Melayu sebuah sekolah SJKC di daerah Hulu Langat yang merupakan pakar Bahasa Malaysia untuk mengesahkan bahasa dalam soal selidik. Soal selidik juga dihantar kepada seorang pensyarah di universiti awam yang memiliki kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan untuk menilai kesahan kandungan bagi setiap item yang dibina.

Pengkaji menggunakan kaedah konsistensi dalaman (*Internal consistency method*) *Cronbach's Alpha* untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik kajian. Menurut George dan Mallery (2003), nilai *Cronbach's Alpha* yang diterima ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2

Nilai Cronbach's Alpha yang diterima (George dan Mallery, 2003)

Cronbach's Alpha	Konsistensi Dalaman
$0.9 \leq \alpha$	Cemerlang
$0.8 \leq \alpha \leq 0.9$	Baik
$0.7 \leq \alpha \leq 0.8$	Boleh diterima
$0.6 \leq \alpha \leq 0.7$	Dapat dipersoalkan
$0.5 \leq \alpha \leq 0.6$	Lemah
$\alpha \leq 0.5$	Tidak dapat diterima

Dalam kajian ini, ujian konsistensi dalaman *Cronbach's Alpha* dijalankan pada bahagian B dan bahagian C soal selidik. Dapatan *Cronbach's Alpha* untuk 30 item bagi bahagian B untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan PBD dalam kalangan guru ialah $\alpha = .938$. Bagi bahagian C yang membincangkan prestasi

murid pula, nilai *Cronbach's Alpha* ialah $\alpha = .980$. Nilai keseluruhan untuk bahagian B dan bahagian C dalam soal selidik kajian ini ialah $\alpha = .975$. Jadual 3 di bawah menunjukkan *Nilai Alpha Cronbach* bagi bahagian B dan bahagian C soal selidik.

Jadual **Error! No text of specified style in document.**

Nilai Alpha Cronbach bagi bahagian B dan bahagian C soal selidik

<i>Soal Selidik</i>	<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>Konsistensi Dalaman</i>
Bahagian B	.939	Cemerlang
Bahagian C	.980	Cemerlang
Bahagian B dan C	.975	Cemerlang

Dengan kata yang lain, konsistensi dalaman pada bahagian B, bahagian C selain bahagian B dan bahagian C adalah pada tahap yang cemerlang. Hal ini membuktikan bahawa kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik bagi kajian ini adalah berada pada tahap yang cemerlang. Pendek kata, soal selidik ini boleh dipercayai dan adalah sah untuk digunakan dalam kajian.

Prosedur Analisis Data

Pada mulanya, pengkaji mengumpul data dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik secara talian. Setelah semua data diperolehi, analisis soal selidik dibuat dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 23. Untuk menentukan tahap pelaksanaan PBD guru, statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai dari data dikumpul dan diuji. Tujuan pengkaji memilih analisis deskriptif untuk memproses data yang didapati adalah untuk memberikan gambaran tentang min, sisihan piawai dan tahap (Alejandra M. Muñoz, Sarah Kemp, Tracey Hollowood dan Joanne Hort, 2018).

Statistik inferensi digunakan untuk menjawab soalan kajian kedua dan ketiga. Salah satu syarat asas untuk statistik inferensi adalah bahawa data yang dikumpulkan dari sampel harus diedarkan secara normal (Chua, 2013). Dalam kajian ini, ujian normaliti diukur sebelum ujian t tidak bersandar dan Korelasi Pearson dijalankan bagi memastikan data untuk pembolehubah pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid bertaburan normal.

Bagi mengetahui perbezaan antara tahap pelaksanaan PBD dan pengalaman guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor, ujian t tidak bersandar, kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan. Sebelum itu, Ujian Levene (Ujian F) dilakukan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pembolehubah bersandar yang dikaji.

Ujian korelasi Pearson pula digunakan untuk mengenal pasti hubungan pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Korelasi Pearson adalah ukuran kekuatan dan arah perkaitan yang wujud antara dua pembolehubah selangar, iaitu sela dan nisbah (Ghazal Darusalam dan Sufean Hussin, 2018).

DAPATAN KAJIAN

Responden kajian ini terdiri daripada 290 orang guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Pengkaji menggunakan statistik deskriptif untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Jadual 4 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor ialah $M=3.96$, $SP=.411$. Penemuan ini menunjukkan bahawa guru-guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor menjalankan PBD seperti yang digariskan dalam panduan PBD.

Jadual **Error! No text of specified style in document.**

Skor min dan sisihan piawai bagi pelaksanaan PBD guru

Pembolehubah	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Pelaksanaan PBD guru	3.96	.411	Tinggi

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor semasa pdp mendapat skor min yang tertinggi (M=4.01, SP=.431), manakala tahap pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor selepas pdp mendapat skor min yang terendah (M=3.90, SP=.464). Pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor sebelum pdp adalah pada tahap yang tinggi (M=3.97, SP=.464). Tegasnya, data menunjukkan guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor menjalankan PBD sepanjang pdp dijalankan. Jadual 5 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi pelaksanaan PBD guru sebelum pdp, semasa pdp dan selepas pdp di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

Jadual 5

Skor min dan sisihan piawai bagi pelaksanaan PBD guru sebelum pdp, semasa pdp dan selepas pdp

Domain Pelaksanaan PBD guru	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Sebelum pdp	3.97	.464	Tinggi
Semasa pdp	4.01	.431	Tinggi
Selepas pdp	3.90	.464	Tinggi

Tahap Pelaksanaan PBD guru sebelum pdp

Jadual 6 menunjukkan peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru sebelum pdp. Secara keseluruhannya, item “Saya memastikan kandungan instrumen pentaksiran saya selari dengan kandungan pembelajaran.” mendapat skor min yang tertinggi (M=4.04, SP=.619). Item “Saya sendiri merancang tugas untuk mentaksir murid.” pula mendapat skor min yang terendah (M=3.79, SP=.698).

Jadual 6

Peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru sebelum pdp

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Saya merujuk kepada Panduan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran apabila merancang aktiviti pengajaran dan pentaksiran.	0.7	1.4	15.9	62.0	20.0	3.99	.691	Tinggi
Saya memastikan kandungan instrumen pentaksiran saya selari dengan kandungan pembelajaran.	1.0	1.1	14.1	64.8	20.0	4.04	.619	Tinggi*
Saya memastikan instrumen pentaksiran sesuai dengan tahap kecergasan murid sebelum menjalankan proses pentaksiran.	1.0	1.0	15.2	65.2	18.6	4.01	.617	Tinggi

Jadual 6 (sambungan)

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Piawai	
							Sisihan (SP)	Tahap
Saya menyesuaikan instrumen pentaksiran dengan kaedah pengajaran saya.	0	0.7	14.1	69.7	15.5	4.00	.570	Tinggi
Saya menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang mengandungi aktiviti pentaksiran.	0	0.7	18.3	66.2	14.8	3.95	.598	Tinggi
Saya merancang instrumen pentaksiran mengikut konstruk yang diajar.	0	0.7	15.5	69.0	14.8	3.98	.576	Tinggi
Saya merancang kandungan pentaksiran dengan mengambil kira pengalaman sedia ada murid.	0	0.4	15.5	65.5	18.6	4.02	.597	Tinggi
Saya menetapkan elemen yang akan ditaksir sebelum melakukan pentaksiran.	0	1.4	19.6	64.5	14.5	3.92	.626	Tinggi
Saya sendiri merancang tugas untuk mentaksir murid.	0	1.0	15.9	59.0	24.1	3.79	.698	Tinggi
Skor min keseluruhan:						3.97	.464	

*=Skor Min Tertinggi

Tahap Pelaksanaan PBD guru semasa pdp

Jadual 7 menunjukkan peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru semasa pdp di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Secara keseluruhannya, item “Saya bertindak balas dengan kesilapan murid bagi tujuan penambahbaikan.” dan item “Saya membuat pemerhatian terhadap tingkah laku murid ketika proses pentaksiran.” mendapat skor min yang tertinggi, iaitu (M=4.09, SP=.618) dan (M=4.09, SP=.593). Item “Saya menjalankan aktiviti pentaksiran melebihi sekali terhadap murid.” mendapat skor min yang terendah, iaitu (M=3.85, SP=.643).

Jadual 7

Peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru semasa pdp

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Saya memperuntukkan waktu yang mencukupi untuk murid menjalankan aktiviti pentaksiran.	.0	2.8	22.4	59.3	15.5	3.88	.690	Tinggi
Saya memastikan murid memahami soalan pentaksiran.	.0	0.7	13.4	68.3	17.6	4.03	.582	Tinggi
Saya bertindak balas dengan kesilapan murid bagi tujuan penambahbaikan.	.0	1.4	10.7	65.2	22.7	4.09	.618	Tinggi*
Saya memberi pengukuhan terhadap hasil kerja murid (seperti memo “Sangat Baik”)	.0	0.7	16.2	57.9	25.2	4.08	.661	Tinggi
Saya bertindak balas secara lisan sekiranya murid bermasalah dalam latihan.	.0	1.7	12.7	62.8	22.8	4.07	.649	Tinggi
Saya memotivasikan murid untuk berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan.	.0	.0	9.6	68.3	22.1	4.12	.550	Tinggi
Saya mengemukakan soalan pelbagai aras bagi mentaksir kefahaman dan penguasaan murid.	.0	0.3	15.5	69.0	15.2	3.99	.567	Tinggi
Saya menjalankan pentaksiran terhadap murid bagi setiap kemahiran atau topik yang diajar.	.0	1.7	14.1	67.6	16.6	3.99	.614	Tinggi
Saya menjalankan aktiviti pentaksiran melebihi sekali terhadap murid.	.0	3.1	20.0	65.9	11.0	3.85	.643	Tinggi
Saya memberikan penerangan tentang instrumen atau kaedah yang digunakan untuk mentaksir murid sebelum proses pentaksiran.	.0	1.4	17.6	64.8	16.2	3.96	.627	Tinggi
Saya menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara formal atau tidak formal mengikut kesesuaian kandungan pentaksiran (seperti kuiz, permainan, main peranan, bercerita dan projek mudah).	0.3	3.5	24.8	60.0	11.4	4.06	.663	Tinggi

Jadual 7 (sambungan)

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Saya membuat pemerhatian terhadap tingkah laku murid ketika proses pentaksiran.	.0	0.3	12.4	65.2	22.1	4.09	.593	Tinggi*
Saya memberikan murid peluang untuk mengemukakan soalan ketika proses pentaksiran.	.0	2.1	17.9	61.7	18.3	3.96	.667	Tinggi
Skor min keseluruhan:						4.01	.431	

*=Skor Min Tertinggi

Tahap Pelaksanaan PBD guru selepas pdp

Peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru selepas pdp di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor ditunjukkan dalam jadual 8. Item “Saya memasukkan prestasi murid dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Sekolah secara “Off-line” secara sistematik” mendapat skor min yang tertinggi, iaitu (M=4.00, SP=.666) dan item “Saya memaklumkan keputusan pentaksiran kepada murid” pula mendapat skor min yang terendah, iaitu (M=3.74, SP=.774).

Jadual 8

Peratusan, skor min, sisihan piawai dan tahap pelaksanaan PBD guru selepas pdp

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Saya menggunakan borang senarai semak untuk merekod pencapaian murid.	0.3	2.4	20	62.8	14.5	3.89	.679	Tinggi
Saya menyediakan laporan pentaksiran murid (formatif dan sumatif untuk penilaian).	.0	3.1	19	62.7	15.2	3.90	.676	Tinggi
Saya menilai tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi.	.0	1.0	15.2	70	13.8	3.98	.600	Tinggi

Jadual 8 (*sambungan*)

Item	STS (%)	TS (%)	AS (%)	S (%)	SS (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Saya memasukkan prestasi murid dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Sekolah secara "Off-line" secara sistematik.	.0	7.9	22.1	57.6	12.4	4.00	.666	Tinggi *
Saya menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi murid.	.0	3.1	21.7	61.4	13.8	3.88	.671	Tinggi
Saya membimbing murid berprestasi rendah dalam menguasai kemahiran membaca.	.0	1.0	15.9	67.2	15.9	3.97	.575	Tinggi
Saya memaklumkan keputusan pentaksiran kepada murid.	.0	2.1	15.8	62.1	20.0	3.74	.774	Tinggi
Saya memberitahu ibu bapa murid tentang keputusan pentaksiran murid.	0.3	2.4	19.7	63.8	13.8	3.86	.679	Tinggi
Skor min keseluruhan:				3.90	.464			

*=Skor Min Tertinggi

Perbezaan min antara tahap pelaksanaan PBD guru dan pengalaman mengajar guru

Pengkaji menjalankan ujian t tidak bersandar terhadap tahap pelaksanaan PBD guru untuk menentukan sama ada min adalah berbeza secara signifikan di antara guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun ($M=3.97$, $SP=.405$) dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun ($M=3.96$, $SP=.415$). Jadual 9 menunjukkan analisis ujian t tidak bersandar untuk mengenalpasti samada pelaksanaan PBD berbeza mengikut pengalaman mengajar guru (kurang daripada 10 tahun dan lebih daripada 10 tahun) di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

Nilai yang diperoleh daripada statistik Ujian Levene ialah ($F=.297$, $Sig=.586$). Nilai signifikan adalah lebih besar daripada 0.05. Hal ini menunjukkan variannya adalah sama, iaitu kedua-dua kumpulan bagi guru yang kurang daripada 10 tahun mengajar dan lebih daripada 10 tahun mengajar adalah daripada populasi yang sama. Ujian t tidak bersandar pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan di antara guru yang kurang daripada 10 tahun mengajar dengan guru yang mempunyai lebih daripada 10 tahun mengajar dalam pelaksanaan PBD ($t=.218$, $Sig=.828$ iaitu melebihi tahap kesignifikanan ($p>.05$). Ini adalah kerana min pelaksanaan PBD bagi guru yang mengajar kurang daripada 10 tahun ($M=3.97$, $SP=.405$) tidak banyak berbeza daripada min pelaksanaan PBD guru yang mengajar lebih daripada 10 tahun ($M=3.96$, $SP=.415$).

Ringkasnya, data jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap pelaksanaan PBD guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor berdasarkan pengalaman mengajar guru.

Jadual 9

Analisis ujian t tidak bersandar untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan PBD guru berdasarkan pengalaman mengajar guru

Pengalaman guru	Levene's Test		T-test						Selaras 95%	
	F	Sig.	Kekerapan (N)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	dk	t	Sig.	Rendah	Tinggi
Kurang daripada 10 tahun pengalaman mengajar	.297	.586	101	3.97	.405	288	.218	.828	-.09	.11
Lebih daripada 10 tahun pengalaman mengajar			189	3.96	.415	208	.220	.826	-.09	.11

Hubungan antara tahap pelaksanaan PBD guru dan Prestasi Murid

Dalam bahagian ini, kaedah koefisien korelasi digunakan untuk menentukan hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

H_0 : Tiada hubungan signifikan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

H_a : Terdapat hubungan signifikan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

Jadual 10 menunjukkan analisis inferensi Kolerasi Pearson dalam mengetahui hubungan tahap pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid ($p=.000$), maka hipotesis nol ditolak. Oleh itu, hubungan antara tahap pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid adalah signifikan, tetapi lemah ($r=.510$, $p=.000$).

Jadual 10

Analisis inferensi Kolerasi Pearson dalam mengetahui hubungan tahap pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid

Item	Kekerapan (N)	Korelasi Pearson (r)	Sig. (p)	Sig. (2-tailed)	Konsistensi dalam
PBD guru	Prestasi Murid	290	.510	.000	Lemah

PERBINCANGAN

Tahap Pelaksanaan PBD guru

Hasil kajian menunjukkan bahawa purata bagi tahap pelaksanaan PBD guru adalah tinggi. Jelaslah, guru-guru mempunyai pandangan yang optimis tentang pelaksanaan PBD sendiri kerana guru-guru menilai mereka sendiri dengan nilai yang tinggi pada ketiga-tiga peringkat pelaksanaan PBD. Kajian ini bertepatan dengan Teori Pembelajaran Thorndike di mana guru-guru bukan sahaja menyediakan diri secara fizikal, mental dan emosi, malah mengukuhkan kemahiran pentaksiran masing-masing melalui praktik harian. Keputusan ini menyamai kajian Kalai Selvan (2020) di Malaysia yang menyatakan bahawa guru-guru menggunakan lima belas minit yang terakhir pdp untuk melaksanakan PBD.

Namun, hasil kajian ini tidak disokong oleh kajian Ravikumar Varatharaj (2015) di Malaysia yang mendapati guru-guru tidak mengintegrasikan pentaksiran sepanjang proses pdp. Beliau mendapati bahawa guru-guru yang terlibat secara langsung dalam kursus PBS masih tidak dapat mengamalkan pentaksiran murid dengan penuh keyakinan kerana guru-guru tidak didedahkan dengan latihan yang banyak di samping kekurangan ilmu dan kemahiran dalam melaksanakan PBS (Fakhri Abdul Khalil dan Mohd Isha Awang, 2016). Seperkara lagi, guru kurang bersedia untuk menawarkan ruang kepada murid-murid untuk mengemukakan pendapat atau bertanya berkaitan dengan topik perbincangan di dalam bilik darjah. Guru juga kurang berkemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran untuk memastikan murid dapat menguasai kemahiran yang didedahkan. Hal ini secara langsung menyebabkan markah yang diberi oleh guru tidak adil dan tidak sah (Arsaythamby Veloo, Hariharan N. Krishnasamy dan Ruzlan Md-Ali, 2015).

Perbezaan min antara tahap pelaksanaan PBD guru dan pengalaman mengajar guru

Analisis ujian t tidak bersandar ($t=.218$, $\text{Sig}=.828$) menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD tidak beza mengikut pengalaman mengajar guru di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian ini mendapat persamaan dengan kajian Mazlini Adnan dan Noorfazelawati Abd Kadir (2014) di Malaysia yang menunjukkan tiada perbezaan min yang signifikan dalam amalan pentaksiran guru berdasarkan pengalaman mengajar guru. Dapatan kajian ini turut mendapat persamaan dengan dapatan kajian Hassan Zulkifli dan Abdullah Norazilawati (2016) yang mendapati tiada perbezaan yang ketara bagi tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PAJSK berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim dan Wong (2015) juga menyimpulkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara kaedah pentaksiran guru dengan pengalaman mengajar guru. Berkemungkinan besar PBS adalah sistem pentaksiran yang baharu dalam sistem pendidikan Malaysia, oleh itu, guru yang berpengalaman dengan guru yang kurang berpengalaman masih dalam proses mengasimilasikan pemahaman tentang pengintegrasian PBS dalam bilik darjah (Ravikumar Varatharaj, 2015).

Hubungan antara Pelaksanaan PBD guru dan Prestasi Murid

Dapatan kajian menunjukkan hubungan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid adalah signifikan, ($r=.510$, $p=.000$). Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Selain itu, penemuan kajian juga menunjukkan bahawa kekuatan Koefisien Korelasi Pearson antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid berada pada tahap yang lemah. Pentaksiran bukan hanya memainkan peranan sebagai alat pengukuran pembelajaran murid, tetapi juga sebagai alat untuk pembelajaran murid (Gareis dan Grant, 2015). Kerjasama yang erat antara murid, organisasi pendidikan, kurikulum pembelajaran, penggunaan pentaksiran dan maklum balas yang sewajarnya penting dalam menyokong pembelajaran lalu meningkatkan prestasi murid secara tidak langsung (Scott, 2020). Kajian Lam (2019) dan Shabana Sartaj, Shafqat Kadri, Syed Faisal Haider Shah dan Ali Siddiqui (2019) menyokong kajian ini dengan

merumuskan bahawa pentaksiran dan maklum balas guru mampu meningkatkan prestasi murid. Maklum balas yang sesuai dengan umur perkembangan murid dan berbentuk motivasi bukan sahaja membolehkan murid mengetahui kesilapan yang dibuat, malah mampu membimbing murid-murid menjalankan pembelajaran sendiri bagi meningkatkan penguasaan mereka (Tante, 2018). Maklum balas yang diberi membolehkan murid menjalankan pembetulan dengan sendiri. Mereka meninjau semula masalah yang dihadapi, mencari jawapan atau bertanya kepada guru tentang idea atau konsep yang tidak difahami (Guskey, 2015). Hal ini bertepatan dengan Teori Pembelajaran Behaviorisme (Skinner, 1974) yang menegaskan kepentingan penegasan positif dalam mengukuhkan pembelajaran murid.

Oleh itu, kajian ini disokong oleh kajian Julian@Juliana George Jette dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2020) yang menunjukkan hubungan yang signifikan pentaksiran pdp guru dengan kemenjadian murid dari aspek kemenjadian akademik, kemenjadian kokurikulum dan kemenjadian sahsiah diri murid. Aktiviti-aktiviti yang berbentuk pentaksiran membantu meningkatkan kemahiran murid di samping membentuk kemenjadian murid (Kalai Selvan, 2020). Hal ini mempunyai persamaan dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura (Bandura, 1977) yang menyatakan bahawa murid-murid memerhati dan menyimpan informasi yang dilihat dalam minda lalu mempersembahkan tingkah laku tersebut. Tingkah laku kekal atau sikap dibentuk dalam diri individu dengan berlakunya perulangan atau praktik yang berterusan

Pentaksiran yang paling sesuai digunakan untuk membimbing penambahbaikan murid dalam pembelajaran ialah kuiz, ujian, tugas penulisan selain pentaksiran yang sering dijalankan oleh guru semasa pdp (Guskey, 2015). Penglibatan aktif murid dalam pembelajaran membantu murid memperolehi pengetahuan dan menjana ilmu (Klara Sedova, Martin Sedlacek, Roman Svaricek, Martin, Majcik, Jana Navratilova, Anna Drexlerova, Jakub Kychler & Zuzana Salamounova, 2019). Penemuan ini menunjukkan persamaan dengan kajian Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Tee, Suriani Mohamed dan Ridzwan Che Rus (2018) yang menunjukkan guru-guru percaya bahawa pelaksanaan PBS dapat membantu murid memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran, mengurangkan stres murid dalam menghadapi peperiksaan dan dapat meningkatkan pencapaian gred murid dalam peperiksaan. Hal ini secara langsung merapatkan jurang perbezaan antara murid yang lemah dan murid yang cemerlang. Menurut ahli-ahli psikologi kognitif, latihan mampu meningkatkan ingatan murid terhadap kandungan pembelajaran, manakala pengulangan yang dibuat mampu memberi penegasan secara kognitif kepada murid.

KESIMPULAN

Tugas guru termasuklah memastikan murid-murid bermotivasi untuk melakukan yang terbaik dalam mana-mana pentaksiran, menjalankan pentaksiran dengan adil dan saksama serta memastikan hasil pentaksiran tepat (Gredler, 1999). Pentaksiran yang berkualiti membekalkan data yang betul dan tahap penguasaan murid yang tepat (Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan, 2015). Pentaksiran yang berterusan sepanjang tahun membolehkan guru memainkan peranan sebagai pentaksir bagi menjamin pembangunan dan penguasaan pembelajaran murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Dengan maklumat pembelajaran murid, guru dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan murid lalu merancang dan mengubahsuai pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Lain daripada itu, maklum balas yang diberi kepada murid-murid juga membantu mereka mengetahui kelemahan masing-masing agar penambahbaikan dibuat bagi meningkatkan pencapaian murid. Tegasnya, tahap pelaksanaan PBD guru penting dalam mewujudkan pendidikan yang berkualiti (Guskey, 2015). Memandangkan tahap pelaksanaan PBD guru memainkan peranan yang tidak dapat diketepikan dalam kalangan guru, maka, kajian membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan PBD dan prestasi murid di SJKC, daerah Hulu Langat, Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Shanti Gobalakrishnan. (2017). Tahap Integriti dan Kesiediaan Guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *International Journal of Education, Psychology Counseling*, 2 (4), 1-22.
- Adi Badiozaman Tuah (2007). National Education Assessment System: A proposal towards a more holistic education assessment system in Malaysia. *Proceedings of International Forum On Educational Assessment System: Looking Ahead*, 20-23 April 2007, Petaling Jaya
- Ahmad, A. & Mahamod, Z. (2016). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1), 18-29.
- Alejandra M. Muñoz, Sarah Kemp, Tracey Hollowood & Joanne Hort. (2018). *Comparison of Descriptive Analysis Methods*. *Descript Anal Sens Eval*: 679-709.
- Ambotang, A. S. (2013). *Cabaran Transformasi Agenda Pendidikan Negara*. Berita Harian. Minda Pendidik.
- Arsaythamby Veloo, Hariharan N. Krishnasamy & Ruzlan Md-Ali. (2015). Teachers' Knowledge and Readiness towards Implementation of School Based Assessment in Secondary Schools. *International Education Studies*, 8(11), 193-203.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*, Prentice-hall Englewood Cliffs, NJ.
- Che Aleha Ladin & Md Nasir Ibrahim. (2015). Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah di Malaysia. *Imajinasi: Jurnal Seni*, 9 (1), 63-70.
- Chua, Y. P. (2013). *Mastering research statistics*. United States: McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2014). *A concise introduction to mixed methods research*. United States of America: SAGE publications.
- Eyisi Daniel. (2016). The Usefulness of Qualitative and Quantitative Approaches and Methods in Researching Problem-Solving Ability in Science Education Curriculum. *Journal of Education Practice*, 7(15), 91-100.
- Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang. (2016). Isu kesiediaan guru dalam amalan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *EDUCATUM—Journal of Social Science*, 2(1): 1-7.
- Gaganpreet Sharma. (2017). Pros and cons of different sampling techniques. *International journal of applied research*, 3(7), 749-752.
- Gareis, C. R. & Grant, L.W. (2015). *Teacher-made assessments: How to connect curriculum, instruction, and student learning*. Routledge.
- George, S. & L. Mallery (2003). Alfa de Cronbach y consistencia interna de los ítems de un instrumento de medida. *Revista de estudios Interdisciplinarios en Ciencias Sociales*, 3(16): 3-9.
- Ghazal Darusalam & Sufean Hussin (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Gredler, M. E. (1999). *Classroom Assessment and Learning*, ERIC.
- Guskey, T. R. (2015). *Mastery learning*.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 25-36.
- Hassan Zulkifli & Abdullah Norazilawati. (2016). Penilaian guru sekolah rendah di daerah Kinta Utara terhadap Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9(2), 18-24.
- Ian Brace. (2018). *Questionnaire design: How to plan, structure and write survey material for effective market research (Fourth edition)*. United Kingdom: Kogan Page Publishers.
- Idris, N. (2016). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam kalangan guru, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 171-179.

- Kalai Selvan, A. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kanji, Rafeah. (2014) *Pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah menengah daerah Segamat*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Kathryn Hill & Tim McNamara. (2012). Developing a comprehensive, empirically based research framework for classroom-based assessment. *Language Testing*, 29(3), 395-420.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Klara Sedova, Martin Sedlacek, Roman Svaricek, Martin, Majcik, Jana Navratilova, Anna Drexlerova, Jakub Kychler & Zuzana Salamounova (2019). Do those who talk more learn more? The relationship between student classroom talk and student achievement. *Learning Instruction* 63: 101217.
- Krejcie, R. & D. Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational Psychological Measurement*, 30(3), 608.
- Lam, R. (2019). "Teacher assessment literacy: Surveying knowledge, conceptions and practices of classroom-based writing assessment in Hong Kong." *Journal System* 81, 78-89.
- Lee, H. Y. & Mohd Zahuri Khairani. (2018). Pelaksanaan PBS guru-guru PSV hilir Perak dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan estetik. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6, 1-10
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2016). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- María Isabel Pozzo¹, Ana Borgobello & María Paula Pierella. (2019). Using questionnaires in research on universities: analysis of experiences from a situated perspective. *Revista d'Innovació i Recerca en Educació*, 12(2), 1-16.
- Mazlini Adnan & Noorfazelawati Abd Kadir. (2014). The Practice Of School Based Assessment (SBA) Among Secondary School Mathematics Teachers. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 4 (1): 59-69.
- Mohd. Isa, N. & Abu Naim, H. (2013). *Kajian Keperluan Pembinaan Modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Tajuk Dinamik Dalam Mata Pelajaran Sains Tingkatan 2*. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 30-39.
- Mohd. Majid, K. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Council on Measurement in Education. (1990). NEA. American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education & National Education Association. Standards for teacher competence in educational assessment of students. *Educational Measurement: Issues Practice*, 9(4): 30-32.
- Noor Izam Mohd Taib, Zamri Mahamod, A., Rahman Haron & Rozaiman Makmun. (2012). Kebolehppercayaan Pemeriksaan Karangan Secara Holistik Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 43-64.
- Noraini Bidin & Zamri Mahamod. (2016). Kesiediaan Murid Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1), 64-76.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Hashim & Wong, W.T. (2015). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru sains. *Jurnal Pendidikan Sains Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102.

- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018). "Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(02): 101-110.
- Osman, K. & Mohd Saat, R. (2014). Science technology, engineering and mathematics (STEM) education in Malaysia. *Journal of Mathematics, Science Technology Education*, 10 (3), 153-154.
- Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan. (2015). Pembentukan Sikap Positif Guru Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 77-84.
- Ravikumar Varatharaj. (2015). Amalan Pentaksiran Dalam Pdp Kurikulum Standard Sekolah Rendah di Sekolah Kluster. *Jurnal Dedikasi*, 9, 1-17.
- Scott, I. M. (2020). Beyond 'driving': The relationship between assessment, performance and learning. *Medical education*, 54(1), 54-59.
- Senin Khamis & Asri Selamat. (2019). The Use of Feedback in the Classroom Assessment: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(3), 325-334.
- Shabana Sartaj, Shafqat Kadri, Syed Faisal Haider Shah & Ali Siddiqui (2019). Investigating the Effectiveness of Classroom Based Assessment on ESL Teaching Strategies and Techniques in Pakistan: Study from Teachers' Perspective. *Theory Practice in Language Studies*, 9(7), 826-834.
- Siti Hayati Haji Mohd Yusoff & Lee, H.Y. (2018). Pengetahuan dan Kesiapan Guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam Melaksanakan PBS dalam Pdp. *Jurnal Dedikasi*, 14, 122-142.
- Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Tee, T.K., Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus. (2018). Kesiapan, Penerimaan Dan Pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Sains Humanika*, 10(3-3), 89-94.
- Skinner, B. F. (1974). *About behaviorism*. New York.
- Suzana Abd Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Kepelbagaian Aras Soalan Lisan dalam Pentaksiran Formatif bagi Subjek Geografi. *Sains Humanika*, 59 (1), 103-108.
- Tante, A. C. (2018). Primary School Teachers' Classroom-based Assessment Feedback Culture in English Language. *International Journal of Educational Research Review*, 3(4), 32-47.
- Wan Omar, S. H. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (3), 56-67.
- Zamri Mahamod, Nasyimah Ismail & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Komponen Sastera Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education, 2015 (November)*, 1-10. Retrieved from <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3077/3003>.